

'Cubaan saat akhir bekas PM pertahan diri'

BH - 27/7/2022 m/s: 8

Kuala Lumpur: Tindakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melantik pasukan baharu peguam untuk mewakilinya dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana SRC International Sdn Bhd, dilihat sebagai cubaan saat akhir untuk mempertahankan diri.

Pengamal undang-undang, Nizam Bashir Abdul Kariem Bashir, berkata tindakan menukar peguam pada saat akhir bukanlah perkara yang luar biasa, sebaliknya sering dilakukan oleh banyak pihak.

Beliau berkata, setiap individu yang datang ke mahkamah

pasti akan cuba untuk mencari keadilan bagi diri sendiri.

Cari keadilan pertahan diri

"Setiap orang berhak untuk menerokai pilihan yang ada demi mencari keadilan untuk diri sendiri.

"Oleh itu, kita tidak boleh salahkan beliau (Najib) kerana beliau cuba mendapatkan hak yang dirasakan sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Najib memberhentikan khidmat peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan pe-

guam daripada firma Tetuan Shafee & Co daripada mewakilinya dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta

milik SRC International Sdn Bhd.

Firma guaman Tetuan Zaid Ibrahim Suffian TH Liew &

“Setiap orang berhak untuk menerokai pilihan yang ada demi mencari keadilan untuk diri sendiri. Oleh itu, kita tidak boleh salahkan beliau (Najib) kerana beliau cuba mendapatkan hak yang dirasakan sesuai”



Nizam Bashir Abdul Kariem Bashir,
Pengamal undang-undang

Partners (ZIST) yang baharu dilantik Najib dalam suratnya dialamatkan kepada Pejabat Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, memaklumkan bekas Perdana Menteri itu melantik Hisyam Teh Poh Teik sebagai peguam utama dan Liew Teck Huat serta Rueben Mathiaravanam, sebagai peguam bersama.

Nizam Bashir berkata, apa-apa tindakan yang dilakukan masih bergantung kepada pertimbangan mahkamah.

"Dalam hal ini, mahkamah yang akan mendengar dan memberi pertimbangan," katanya.